



Air empangan dilepaskan di Sungai Bertam melimpah ke pekan Lembah Bertam

Banjir lumpur ragut 3 nyawa

Seorang lagi mangsa, Tam Tuck Chook, 51, meninggal dunia akibat serangan jantung setelah terkejut dengan kejadian itu.

Seorang lagi mangsa, Tam Tuck Chook, 51, meninggal dunia akibat serangan jantung setelah terkejut dengan kejadian itu.

Seorang lagi mangsa, Tam Tuck Chook, 51, meninggal dunia akibat serangan jantung setelah terkejut dengan kejadian itu.

Hampir 1,000 penduduk empat kampung terputus hubungan

Banjir berulang di Cameron Highlands

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
utusanperak@utusan.com.my

■ CAMERON HIGHLANDS 29 MEI

SEBUAH jambatan runtuh manakala beberapa buah kenderaan rosak akibat dihanyutkan air dalam kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah Cameron Highlands, Deputy Superintenden Zainalabidin Othman berkata, banjir pada kira-kira pukul 2.30 pagi itu menyebabkan jambatan di Sungai Ulu Telom di Batu 49, Kuala Terla di sini runtuh.

Beliau berkata, ini menyebabkan hampir 1,000 penduduk di empat buah kampung Orang Asli di Pos Terisu terputus hubungan dengan jalan utama.

Kata beliau, jambatan yang merupakan laluan utama pen-

uduk yang runtuh itu sepanjang 12 meter dan lebar 7.6 meter.

Katanya, jambatan itu runtuh dipercayai kerana lokasinya yang terletak di laluan arus dua anak sungai iaitu Sungai Tringkap dan Sungai Kuala Terla.

“Untuk mengatasi masalah perhubungan dengan jalan utama, penduduk telah bergotong-royong membina laluan sementara untuk kegunaan motosikal,” katanya.

Menurutnya, banjir menyebabkan tiga buah kereta dan tiga buah motosikal rosak akibat dihanyutkan banjir di Jalan Kolam Air, Brinchang di sini.

Menurut beliau, beberapa kereta dipercayai milik pelancong yang sedang bercuti di sini turut rosak akibat dihempap pokok.

Selain itu, katanya, beberapa buah rumah penduduk di beberapa kawasan di sini turut di-

masuk air.

“Tiga buah kereta dan tiga buah motosikal yang dilaporkan dihanyutkan air di Jalan Air Kolam, Brinchang dapat diselamatkan setelah tersangkut pada bahagian rumah pemilik kenderaan.

“Kenderaan mereka dihanyutkan banjir kerana rumah mangsa berhampiran dengan anak sungai. Mangsa juga telah membuat laporan polis mengenai kejadian tersebut,” katanya di sini hari ini.

Menurutnya, banjir kilat yang melanda kawasan tanah tinggi itu dipercayai disebabkan limpahan air sungai yang tidak boleh menampung air akibat hujan lebat yang berterusan sejak malam semalam.

“Sehingga kini pemantauan terus dijalankan di kawasan yang berlaku banjir,” katanya.



SEBUAH kereta terperangkap dalam banjir yang turut merosakkan rumah penduduk.

KERATAN Utusan Malaysia 24 Oktober 2013.

LALUAN utama terputus gara-gara sebuah jambatan runtuh dalam kejadian banjir di Brinchang, Cameron Highlands, Pahang awal pagi semalam. - **SUMBER GAMBAR FACEBOOK/DAILY TRAFFIC REPORT**

Kronologi Kejadian banjir, tanah runtuh di Cameron Highlands

- 29 Mei 2016**
Sebuah jambatan di Sungai Ulu Telom di Batu 49, Kuala Terla runtuh manakala beberapa kenderaan rosak dalam kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di Cameron Highlands mengakibatkan 1,000 penduduk di empat kampung Orang Asli di Pos Terisu terputus hubungan dengan jalan utama.
- 30 Disember 2014**
Kejadian tanah runtuh di Kilometer 46, Jalan Brinchang-Tringkap mengorbankan seorang wanita hamil dan anak lelakinya.
- 5 November 2014**
Kejadian banjir dan tanah runtuh berlaku di Kampung Raja, Ringlet dan Lembah Bertam akibat hujan lebat sehingga mengakibatkan lima kematian.
- 23 Oktober 2013**
Air Sungai Bertam melimpah ekoran pelepasan air empangan Sultan Abu Bakar, Ringlet mengorbankan tiga orang. Kejadian banjir tersebut memusnahkan kira-kira 80 rumah dan juga kenderaan di kawasan Lembah Bertam.
- 7 Ogos 2011**
Kejadian tanah runtuh di perkampungan Orang Asli Sungai Ruil mengorbankan tujuh orang.